



# Jadual Pembacaan Khutbah Jumaat

2/ 2024 (Februari 2024)

تاریخ	تاجوق	بیل
2 Februari 2024M/ 21 Rejab 1445H	<b>Rejab Yang Istimewa</b>	1.
9 Februari 2024M/ 28 Rejab 1445H	<b><i>Isra' dan Mikraj:</i> Perkara Ghaib Tanpa Soal</b>	2.
16 Februari 2024M/ 6 Sya'aban 1445H	<b>Perpindahan Kiblat Di Bulan Syaaban</b>	3.
23 Februari 2024M/ 13 Sya'aban 1445H	<b>Bulan Syaaban Yang Dekat Di Hati</b>	4.
<b>Khutbah Kedua</b>		

دبیایاء:



زكاة فولاو فینغ

دتریبتکن:



جابتن حال إحوال اگام اسلام فولاو فینغ



---

*Jawatankuasa Panel Semakan Teks Khutbah Negeri Pulau Pinang  
(November 2023 – Disember 2025)*

---

- 1. SS Dato' Seri Dr. Haji Wan Salim bin Wan Mohd Noor  
(Pengerusi)**  
Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang
  
- 2. YBhg. Ustaz Muhammad Fadzil bin Alias**  
Pengarah, Yayasan Dakwah Islamiyah (YADIM) Pulau Pinang
  
- 3. Y.Bhg. Ustaz Ahmad bin Hashim**  
Penasihat, Pusat Pengajian Tahfiz Al-Quran (PPTQ)  
Kolej Islam Teknologi Antarabangsa Pulau Pinang (KITAB)
  
- 4. YBhg. Ustaz Subki bin Mohamed**  
Mantan Pensyarah Kanan, IPG Kampus Tuanku Bainun
  
- 5. YBhg. Dr. Mohamad Zaki bin Hj Abdul Halim**  
Penolong Mufti, Bahagian *Buhuth* (Penyelidikan),  
Jabatan Mufti Negeri Negeri Pulau Pinang
  
- 6. YBhg. Ustazah Rohayati binti Daud**  
Mantan Penyelaras Program Intervensi Kaunseling,  
Universiti Sains Malaysia
  
- 7. YBhg. Tuan Ahmad Shahimi bin Senawi**  
Pendakwah
  
- 8. Ustaz Mohd Hanif bin Omar @ Wahab  
(Setiausaha)**  
Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Dakwah  
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP)

---

*Moga Allah SWT merahmati roh mantan Panel Jawatankuasa  
Tauliah dan Khutbah, **Al-Marhum Prof Madya Dr. Atikullah bin  
Abdullah**, yang telah kembali ke Rahmatullah pada 22 Disember  
2023. Al-Fatihah*

---





## *Isra' dan Mikraj : Perkara Ghaib Tanpa Soal*

9 Februari 2024M/ 28 Rejab 1445H

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: سُبْحَانَ الَّذِي أَسْرَى بِعَبْدِهِ لَيْلًا مِنَ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ إِلَى الْمَسْجِدِ الْأَقْصَا الَّذِي بَرَكْنَا حَوْلَهُ لِنُرِيَهُ مِنْ آيَاتِنَا إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْبَصِيرُ ﴿١﴾  
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُ اللَّهِ وَرَسُولُهُ.  
صَلَّى اللَّهُ وَسَلَّم عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ، وَمَنْ اتَّبَعَ سُنَّتَهُ وَاقْتَفَى  
أَثَرَهُ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.  
أَمَّا بَعْدُ، فَاتَّقُوا اللَّهَ يَا عِبَادَ اللَّهِ، وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

**SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى SEKALIAN,**

Khatib berpesan kepada diri sendiri dan sidang jemaah sekalian untuk sama-sama bertakwa kepada Allah kerana dengan takwa sahajalah, ibadah kita semakin sampai kepada Allah سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى.

Sebelum khatib meneruskan bicara, mohon sidang jemaah sekalian memberikan sepenuh tumpuan kepada khutbah pada hari ini. Usahlah berbual-bual, bermain telefon bimbit, mengulit media sosial dan sebagainya. Khutbah yang akan disampaikan pada hari ini adalah bertajuk “**Israk Dan Mikraj: Perkara Ghaib Tanpa Soal.**”

**SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى SEKALIAN,**



Israk dan mikraj adalah salah satu peristiwa penting dalam Islam. Ia berlaku pada 27 Rejab tahun ke-12 dari masa kerasulan Baginda Nabi ﷺ. Tarikh ini bersamaan tahun 622 Masihi iaitu ketika Nabi berumur 52 tahun, setahun sebelum hijrah dari Mekah ke Madinah.

Al-Quran merakamkan peristiwa ini dalam ayat pertama Surah al-Isra' yang dibaca di awal khutbah dengan maksud:

*“Maha Suci Allah yang telah menjalankan hamba-Nya (Muhammad) pada suatu malam dari Masjidilharam (di Mekah) ke Masjid Al-Aqsa (di Palestin) yang telah Kami berkati sekelilingnya agar Kami perlihatkan kepada-Nya sebahagian daripada tanda-tanda (kekuasaan dan kebesaran) Kami yakni Allah. Sesungguhnya Dialah yang Maha Mendengar lagi Maha Melihat.”*

Menerusi ayat ini, Allah telah membawa mesej bahawa *Isra'* dan *Mikraj* adalah sebuah keajaiban dari kekuasaan-Nya yang tiada tandingan.

Hari ini apabila kita menaiki kapal terbang, perasaan *Isra'* itu sedikit sebanyak boleh difahami, misalnya dalam tempoh 8 jam sahaja dari Malaysia kita boleh sampai ke Mekah. Ini bermaksud, dengan teknologi moden, kita turut merasa kehebatan Allah ﷻ.

Namun di sebalik memahami peristiwa *Isra'* yakni perjalanan Baginda Nabi dari Masjidilharam ke masjid Al-Aqsa, umumnya masih tiada seorang pun yang dapat memahami sepenuhnya peristiwa *Mikraj* kerana ia adalah rahsia Allah yang hanya dinukilkan oleh kalam Baginda Nabi ﷺ.



## MUSLIMIN RAHIMAKUMULLAH,

Peristiwa *Mikraj* pula adalah perjalanan baginda Nabi صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ dari Masjid Al-Aqsa ke *Sidratul Muntaha* seperti firman Allah dalam surah *An-Najm* ayat 13-18:

وَلَقَدْ رَءَاهُ نَزْلَةً أُخْرَىٰ ﴿١٣﴾ عِنْدَ سِدْرَةِ الْمُنْتَهَىٰ ﴿١٤﴾ عِنْدَهَا جَنَّةُ الْمَأْوَىٰ ﴿١٥﴾ إِذْ يَغْشَىٰ  
السِّدْرَةَ مَا يَغْشَىٰ ﴿١٦﴾ مَا زَاغَ الْبَصَرُ وَمَا طَغَىٰ ﴿١٧﴾ لَقَدْ رَأَىٰ مِنْ آيَاتِ رَبِّهِ الْكُبْرَىٰ ﴿١٨﴾

Maksudnya: “Dan sesungguhnya Dia yakni Muhammad telah melihat (malaikat Jibril dalam rupanya yang asal) sekali lagi. (laitu) di *Sidratul Muntaha*. Yang di sisinya terletak syurga *Jannatul Ma’wa* (جَنَّةُ الْمَأْوَىٰ) (Muhammad melihat Jibril dalam rupa bentuknya yang asal pada kali ini) ketika *Sidratul Muntaha* diliputi makhluk alam ghaib yang tidak terhingga. Penglihatan (Muhammad) tidak beralih daripada menyaksikan dengan tempat (pemandangan indah di situ yang diizinkan untuk dilihat) dan tidak pula melampaui batas. Sesungguhnya Dia telah melihat sebahagian tanda-tanda (bukti luasnya pemerintahan dan kekuasaan Tuhan-Nya).”

Peristiwa Baginda Nabi صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ dijemput ke *Sidratul Muntaha* bermula dengan gambaran seolah-olah ia sebagai hadiah kepada Baginda Nabi setelah menempuh tahun dukacita kerana kematian isterinya Khadijah dan bapa saudara-Nya Abu Talib serta dihalau dari Thaif.

Sebagai umat Islam, kita dituntut untuk mengimani perkara ghaib termasuklah peristiwa *Isra’ dan Mikraj*, walaupun setelah wujud segala sistem dan teknologi yang canggih pada hari ini, ia tidak dapat membuktikan peristiwa ini secara saintifik. Malah, jika diimbau peristiwa *Isra’ dan Mikraj* ini, ia berlaku ketika belum lagi wujud sebarang teknologi hebat yang boleh membuktikannya. Sekurang-kurangnya, kita patut



sedar bahawa kehebatan peristiwa *Isra' dan Mikraj* ini mengatasi kehebatan teknologi sepanjang zaman.

## SIDANG JEMAAH SEKALIAN,

Selain daripada mengimaninya, tersirat tiga mesej penting yang boleh diambil sebagai pengajaran utama kepada umat Islam.

**Pertama,** *Isra' dan Mikraj* adalah lambang hubungan antara hamba dengan Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** melalui perintah solat lima waktu. Ini dijelaskan melalui firman Allah dalam surah Taha ayat 14:

... وَأَقِمِ الصَّلَاةَ لِذِكْرِي ﴿١٤﴾

Maksudnya: “.....dan dirikanlah solat untuk mengingatkumu.”

**Kedua,** *Isra' dan Mikraj* mempunyai elemen *ta'abbudi* (تَعَبُّدِي) yang bermaksud sesuatu yang dipercayai tanpa soal.

Dalam hal ini, peristiwa *Isra' dan Mikraj* adalah termasuk dalam perkara *ta'abbudi* yang perlu diimani tanpa soal. Umat Islam diperintah untuk mempercayainya walaupun tiada sebarang bukti saintifik. Bagi yang mengingkarinya adalah menjadi kufur kerana tidak beriman dengan perkara *ghaibiyyat* (غَيْبِيَّات) dalam Islam. Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** berfirman dalam surah al-Baqarah ayat 2 dan 3:

ذَٰلِكَ الْكِتَابُ لَا رَيْبَ فِيهِ هُدًى لِّلْمُتَّقِينَ ﴿٢﴾ الَّذِينَ يُؤْمِنُونَ بِالْغَيْبِ وَيُقِيمُونَ الصَّلَاةَ  
وَمِمَّا رَزَقْنَاهُمْ يُنْفِقُونَ ﴿٣﴾

Maksudnya: “Kitab (Al-Quran) ini tidak ada sebarang syak padanya (tentang datangnya daripada Allah dan tentang sempurnanya); ia pula menjadi petunjuk bagi orang bertakwa. (iaitu) orang yang beriman kepada perkara ghaib dan mendirikan solat serta membelanjakan sebahagian daripada rezeki yang Kami berikan kepada mereka.”

**Ketiga**, melalui peristiwa *Isra’* dan *Mikraj* ini Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** mengajar hamba-Nya supaya memiliki sifat insaniah iaitu sifat kemanusiaan. Ketika menyaksikan seksaan yang dikenakan ke atas penghuni neraka, Baginda merasa sedih dan bimbang jika umat-Nya termasuk dalam kalangan mereka.

### **SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,**

Ketika bercerita mengenai peristiwa *Isra’* dan *Mikraj* kepada penduduk Mekah, Baginda menceritakan dengan penuh harapan agar mereka mempercayainya dan memeluk agama Islam supaya mereka terhindar dari api neraka Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى**.

Baginda Nabi lantas bersedih ketika ceritanya ditolak oleh kaum-Nya dan cahaya Islam tidak memasuki hati mereka. Atas sifat kemanusiaan, Baginda Nabi **صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ** tidak membenci mereka walaupun menerima cacian kerana Baginda tahu bahawa ini semua berlaku atas kejahilan mereka.

### **SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** SEKALIAN,**

Sebagai kesimpulan, khatib ingin menarik perhatian sidang jemaah kepada empat pengajaran berikut:



**Pertama**, percaya bahawa setiap amalan dalam Islam termasuk solat adalah bagi memperkuatkan ikatan di antara hamba dengan Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى*.

**Kedua**, percaya bahawa dalam Islam terdapat elemen *ta'abbudi* iaitu mempercayai perkara ghaib tanpa soal.

**Ketiga**, percaya bahawa Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى* dan Rasulullah *صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ* menghendaki hamba-Nya bersifat manusiawi iaitu mempunyai belas kasih kepada mereka yang belum beroleh hidayah.

**Keempat**, percaya bahawa peristiwa *Isra'* dan *Mikraj* menunjukkan kehebatan Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى* dan menyedarkan kita selaku insan yang lemah di sisinya.

Firman Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى* dalam surah an-Naml ayat 65:

قُلْ لَا يَعْلَمُ مَنْ فِي السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ الْغَيْبَ إِلَّا اللَّهُ وَمَا يَشْعُرُونَ أَيَّانَ يُبْعَثُونَ ﴿٦٥﴾

Maksudnya: “Katakanlah (wahai Muhammad), “tidak ada sesuatu pun di langit dan di bumi yang mengetahui perkara yang ghaib, kecuali Allah. Mereka juga tidak mengetahui masa mereka akan dibangkitkan semula (sesudah mati).”



بَارَكَ اللهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِهَدْيِ سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ، أَقُولُ  
مَا سَمِعْتُمْ، وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ مِنْ كُلِّ ذَنْبٍ، فَاسْتَغْفِرُوهُ،  
إِنَّهُ هُوَ الْعَفُورُ الرَّحِيمُ.





## Khutbah Kedua Bulan Februari

2024M/ 1445H

الْحَمْدُ لِلَّهِ عَلَىٰ أَلَائِهِ وَإِحْسَانِهِ، وَالشُّكْرُ لَهُ عَلَىٰ تَوْفِيقِهِ وَامْتِنَانِهِ،  
وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ تَعْظِيمًا لِشَانِهِ،  
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ دَاعِيًا إِلَىٰ رِضْوَانِهِ.  
صَلَّى اللَّهُ وَسَلَّم عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ، عَدَدَ خَلْقِهِ وَرِضَا نَفْسِهِ،  
وَزَنَةَ عَرْشِهِ وَمِدَادَ كَلِمَاتِهِ.  
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ تَعَالَى رَبَّكُمْ حَقَّ تَقَاتِهِ، وَاعْمَلُوا بِطَاعَتِهِ  
وَمَرْضَاتِهِ، ثُمَّ اْعَلَمُوا أَنَّ اللَّهَ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى أَمْرُكُمْ بِأَمْرٍ بَدَأَ فِيهِ بِنَفْسِهِ؛ فَقَالَ عَلِيمًا  
حَكِيمًا:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا

﴿٥٦﴾ [الأحزاب: 56]

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَىٰ عَبْدِكَ وَرَسُولِكَ مُحَمَّدِ بْنِ الْبَشِيرِ النَّذِيرِ، وَالسَّرَاجِ الْمُنِيرِ،  
وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ آلِهِ وَصَحَابَتِهِ أَجْمَعِينَ، وَعَنِ التَّابِعِينَ، وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ  
إِلَىٰ يَوْمِ الدِّينِ، وَعَنَّا مَعَهُمْ بِعَفْوِكَ وَكَرَمِكَ وَإِحْسَانِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

### SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Khatib juga mengambil kesempatan ini untuk menyeru para jemaah sekalian agar terus memberikan sokongan padu tanpa berbelah-bagi kepada penduduk Palestin yang sedang dizalimi oleh Regim Zionis melalui serangan tanpa henti di Gaza dan Tebing Barat.

Kita mungkin tidak mampu mengangkat senjata, tetapi kita masih mempunyai kekuatan daripada aspek kewangan. Infakkanlah sebahagian rezeki untuk membantu mereka yang ketika ini berada dalam keadaan



yang amat menyedihkan serta menjalani kehidupan yang sukar. Selain itu, gunakanlah senjata paling ampuh yakni DOA. Semoga Allah سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى menganugerahkan kejayaan, keselamatan dan kesejahteraan buat seluruh umat Islam serta rakyat Palestin khususnya. Semoga bumi Palestin kembali aman dan makmur di bawah rahmat Allah سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ  
وَالْأَمْوَاتِ،

اللَّهُمَّ آمِنَّا فِي أَوْطَانِنَا، وَأَصْلِحْ وَاحْفَظْ أُمَّتَنَا وَعُلَمَاءَنَا وَوُزَرَائِنَا وَوُلَاةَ أُمُورِنَا.  
اللَّهُمَّ اعِزَّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَانصُرْ مَنْ نَصَرَ  
الدِّينَ،

وَاخْذُلْ مَنْ خَدَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

اللَّهُمَّ انصُرْ إِخْوَانَنَا الْمُسْلِمِينَ وَالْمُجَاهِدِينَ وَالْمُسْتَضْعَفِينَ فِي فَلَسْطِينَ وَفِي كُلِّ  
مَكَانٍ، اللَّهُمَّ ثَبِّتْ إِيمَانَهُمْ وَأَنْزِلِ السَّكِينَةَ فِي قُلُوبِهِمْ وَوَحِّدْ صُفُوفَهُمْ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُودُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجُدَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ.

اللَّهُمَّ وَفِّقْهُمْ لِمَا فِيهِ عِزُّ دِينِكَ وَنَصْرُ شَرِيعَتِكَ، اللَّهُمَّ اجْعَلْهُمْ هُدَاةً مُهْتَدِينَ  
صَالِحِينَ مُصْلِحِينَ وَاشْمَلِ اللَّهُمَّ بِعِنَايَتِكَ وَتَوْفِيقِكَ عَلَى صَاحِبِ الْجَلَالَةِ،

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan  
Agong, Sultan Ibrahim dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri  
Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Raja Zarith Sofiah.

وَكَذَلِكَ صَاحِبِ الْفَخَامَةِ،

Tuan Yang Terutama, Tun Dato' Seri Utama Ahmad Fuzi Bin Haji Abdul  
Razak, Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang.



اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْغَلَاءَ وَالرِّيَاءَ، وَالرَّبَا وَالزُّنَا وَالزَّلَازِلَ وَالْمِحْنَ وَسُوءَ  
الْفِتَنِ مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَّنَ عَنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَعَنْ سَائِرِ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ  
عَامَّةً يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ! إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ  
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٥١﴾ فَادْكُرُوا اللَّهَ الْجَلِيلَ  
يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ ﴿٥٢﴾